

15/11/2003

Asas kukuh tonggak peralihan kuasa terancang

Dr Mohamad Khir Toyo

JUMAAT, 31 Oktober 2003 bersamaan 5 Ramadan 1424 Hijrah adalah hari bersejarah dalam kronologi kehidupan bernegara bagi negara bangsa Malaysia. Ini kerana pada tarikh itu telah berlangsung peralihan baton kepemimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selama 46 tahun sejarah kemerdekaan negara, fenomena ini hanya berlaku tiga kali iaitu ketika peralihan kepemimpinan daripada Tunku Abdul Rahman Putra kepada Tun Abdul Razak Hussein pada September 1970, daripada Razak kepada Tun Hussein Onn pada Januari 1976 apabila Razak meninggal dunia akibat leukemia di London ketika mendapatkan rawatan dan peralihan dari Hussein kepada Dr Mahathir pada Julai 1981.

Peralihan kuasa di Malaysia agak unik jika kita bandingkan dengan peralihan kuasa di negara sedang membangun lain di Asia kerana ia berlaku secara terancang, intra parti, aman, berdisiplin dan tertib. Ini kerana biasanya di kalangan negara membangun dan mundur di Asia yang mengamalkan demokrasi, peralihan kuasa mereka dari satu pemimpin ke pemimpin lain atau dari satu parti ke parti lain berlaku secara tidak terancang, malah berlatarbelakangkan keadaan tidak stabil, keganasan hingga membawa kepada anarki.

Ia juga terjadi biasanya di antara pemimpin politik yang berlainan parti, bukannya berlaku intra parti atau antara pemimpin di dalam sesebuah parti politik saja. Perubahan kepemimpinan di negara berkenaan juga biasanya akibat tindakan pengundi menarik balik mandat daripada parti yang sedang memerintah kerana hilang kepercayaan terhadap parti itu, lebih-lebih lagi jika pemimpin atau parti berkenaan sudah lama berkuasa. Ini tidak terjadi di Malaysia.

Baton kepemimpinan negara sudah pun bertukar tangan, namun perjalanan kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tetap berada pada landasan dan matlamat sama. Sesungguhnya, pemimpin datang dan pergi ibarat pepatah 'yang patah tumbuh, yang hilang berganti', namun negara bangsa Malaysia tetap akan kekal.

Kita bertuah kerana kepemimpinan negara yang bermula daripada Tunku Abdul Rahman telah meletakkan asas kukuh untuk memastikan negara bangsa Malaysia terus abadi. Pemimpin negara selepas Tunku Abdul Rahman telah membangun dan memajukan negara secara bertatib berdasarkan asas-asas tertentu. Apakah asas-asas yang dimaksudkan itu?

Pertama ialah perpaduan di antara rakyat Malaysia pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, keduanya sebuah negara yang demokratik berasaskan kedaulatan undang-undang dan ketiganya keadilan sosial dengan pencapaiannya berasaskan kepada sistem ekonomi terbuka.

Setiap pemimpin berdasarkan latar belakang, era pentadbiran, pendidikan dan pengalaman masing-masing mempunyai cara yang sudah tentu berbeza antara satu sama lain. Cara Tunku Abdul Rahman berbeza dengan Razak, cara Razak pula berbeza dengan Hussein manakala cara Hussein berbeza dengan Dr Mahathir. Maka sudah tentu cara Pak Lah juga akan berbeza berbanding Dr Mahathir, tetapi yang utamanya mereka sama-sama membina negara di atas asas-asas yang telah wujud sejak merdeka dulu, yang berbeza adalah nuansanya saja.

Tidak dapat dinafikan bahawa semua Perdana Menteri telah meletakkan pemuliharaan perpaduan kebangsaan sebagai kepentingan utama kerana mereka sedar tanpa perpaduan di dalam negara majmuk seperti Malaysia, ia akan

mendatangkan musibah yang besar.

Tunku Abdul Rahman misalnya telah mengasaskan mekanisme perkongsian kuasa yang praktikal melalui gabungan Perikatan setelah menyedari bahawa rakyat Persekutuan Tanah Melayu ketika itu tidak dapat menerima mekanisme perpaduan sebuah parti pelbagai kaum ala Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP) tajaan Datuk Onn Jaafar.

Razak pula melalui Barisan Nasional (BN) meluaskan lagi keanggotaan Perikatan dengan menerima kemasukan parti politik dari Sabah dan Sarawak, namun matlamatnya tetap sama iaitu pengukuhan perpaduan kebangsaan.

Usaha murni ini diperkukuhkan lagi oleh Dr Mahathir yang memperkenalkan Wawasan 2020, satu wawasan kebangsaan yang telah dapat menampakkan imaginasi seluruh spektrum rakyat Malaysia tanpa mengira agama atau... ia telah menjadi alat pengukuh perpaduan melalui pewujudan matlamat yang dikongsi bersama.

Begitu juga dengan iltizam pemimpin negara kepada asas yang kedua iaitu kewujudan sebuah Malaysia yang demokratik berasaskan kedaulatan undang-undang, Tunku Abdul Rahman selama 13 tahun menjadi Perdana Menteri tidak pernah terpengaruh dengan arah aliran popular di kalangan negara Afro-Asia pada masa itu untuk menggantikan sistem pemerintahan berasaskan sistem demokrasi pelbagai parti kepada sistem satu parti kerana kegagalan mereka menangani permasalahan yang wujud di dalam sistem pemerintahan pelbagai parti.

Razak juga walaupun diberi kuasa sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang mentadbir negara secara dikri apabila Parlimen digantung pasca tragedi 13 Mei 1969, telah mengembalikan pemerintahan demokrasi di Malaysia dalam masa 18 bulan saja dari penggantungannya.

Iltizam pemimpin negara sejak dari dulu terhadap keadilan sosial berteraskan sistem pasaran terbuka pula telah terbukti. Walau radikal manapun dasar yang diperkenalkan bagi membaiki ketidakadilan sosial, mereka tidak sama sekali lari daripada penyelesaian yang berasaskan pasaran, cuma yang berbeza ialah tingkat pembabitan kerajaan.

Dalam era Razak, pertolongan yang diberikan kepada orang Melayu amat meluas, begitu juga pembabitan kerajaan di dalam ekonomi kerana ia adalah peringkat awal usaha mentransformasikan masyarakat Melayu dari masyarakat tani dan nelayan kepada masyarakat perdagangan dan perindustrian selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Apabila dasar ini tamat secara rasmi pada 1990 di era Dr Mahathir, semangatnya masih diteruskan tetapi sudah tentu pengalaman dua dekad pelaksanaan DEB telah membuahkan pelbagai kesan, hasil dan pengalaman maka apabila semangat DEB telah diteruskan melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sudah tentulah berlaku perubahan, penambahbaikan dan penyesuaian terhadap pelaksanaan dasar berkenaan.

Begitu juga hari ini cabaran untuk mewujudkan keadilan sosial yang akan Pak Lah hadapi sudah tentu berbeza daripada yang dihadapi pemimpin negara sebelumnya, namun asas penyelesaiannya tetap sama iaitu berpaksi kepada sistem ekonomi pasaran.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita berhadapan dengan cabaran untuk membina dan mengukuhkan institusi negara secara keseluruhannya. Ini amat penting bagi memastikan kelicinan, keberterusan dan kemakmuran kehidupan bernegara.

Marilah kita sama-sama menghayati seruan oleh Pak Lah yang terkandung di dalam ucapan sulungnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang iaitu ajakannya kepada rakyat Malaysia untuk bekerja bersamanya, bukan untuknya. Inilah sebenarnya asas lonjakan negara bangsa Malaysia seterusnya yang perlu dihayati, difahami, dicerna, diterap dan diamalkan dalam budaya kerja setiap rakyat Malaysia bagi mencapai matlamat yang diungkapkan oleh Pak Lah pada akhir ucapannya iaitu 'Maju Malaysia' dan

`Berjaya Malaysia' kerana inilah juga matlamat yang diusahakan oleh pemimpin yang mendahuluinya.

Marilah kita sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama, tua atau muda memberikan sokongan padu kepada Pak Lah untuk menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya kerana sesungguhnya kejayaan hanya boleh kita capai asalkan kita bersatu padu dan mendokong kepemimpinan yang telah dipilih secara padu dan teguh. Marilah kita menuju ke arah era yang terbilang di kalangan yang cemerlang. - Penulis adalah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor